

KUALA LUMPUR, 2 JUN (BERNAMA) -- PENERUSI LEMBAGA PENGARAH PERUSAHAAN MAKANAH MALAYSIA SDN. BERHAD (FIMA), DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGHASILKAN SEBUAH BUKU PANDUAN UNTUK PENIAGA-PENIAGA KECIL.

BUKU BERTAJUK +PANDUAN PENIAGA KECIL+ ITU DICETAK DAN DITERBITKAN OLEH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.

DALAM BUKU SETEBAL 67 MUKA ITU, DR. MAHATHIR TELAH MEMBENTANGKAN BERBAGAI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA PENIAGA KECIL BUMIPUTRA DAN MENCADANGKAN CARA-CARA MENGATASINYA.

BELIAU JUGA TELAH MENGEMUKAKAN SYARAT-SYARAT SERTA CARA-CARA YANG BETUL YANG PATUT DIAMBIL OLEH PENIAGA-PENIAGA KECIL ATAU BAKAL-BAKAL PENIAGA KECIL SEBELUM MEMASUKKI LAPANGAN ITU.

BUKU BELIAU MENGANDUNGI PERKARA-PERKARA YANG LUAS DARI MENGAMBIL KETETAPAN BERNIAGA KEPADA MEMILIH JENIS PERNIAGAAN, MODAL, TEMPAT BERNIAGA, PERHITUNGAN MODAL (COSTING), PENYIMPANAN KIRA-KIRA, BANK DAN PINJAMAN, PERSAINGAN, IKLAN DAN PUBLISITI.

DALAM PENDAHULUAN BUKU ITU, DR. MAHATHIR MENERANGKAN BAHAWA AMAT SEDIKIT PERHATIAN DIBERIKAN KEPADA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENIAGA-PENIAGA BARU BUMIPUTRA YANG MENJADI HALANGAN KEPADA USAHA MEREKA.

KATANYA KEBANYAKAN DARI PERBINCANGAN HINGGA MASA INI TERTUMPU KEPADA SOAL-SOAL BASAR, DESAKAN MEMBERI PELUANG YANG LEBIH LUAS KEPADA ORANG-ORANG MELAYU BERNIAGA DAN SOAL KERJASAMA ANTARA PENIAGA MELAYU DENGAN BUKAN MELAYU.

BELIAU BERKATA MASALAH ASAS INI TELAH MENGGAGALKAN BANYAK DASAR DAN USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBERIKAN PELUANG PERNIAGAAN YANG LEBIH LUAS KEPADA BUMIPUTRA. -- BERSAMBUNG 1033/A1

503:

BUKU 2 KUALA LUMPUR

PANDUAN PENIAGA KECIL ADALAH BUKU KARYA DR. MAHATHIR YANG KEDUA. BUKU BELIAU YANG PERTAMA DITULIS DALAM BAHASA INGGERIS BERTAJUK +THE MALAY DILEEMA+.

BELIAU JUGA BANYAK MENULIS KARANGAN-KARANGAN YANG BERCORAK POLITIK DI DALAM AKHBAR-AKHBAR DAN MAJALLAH TEMPATAN. -- BERNAMA 1038/A1